

05 FEB 1998

Sekatan

BELUM ADA ARAHAN TERHADAP PETRONAS, KATA AMERIKA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 4 Feb (Bernama) -- Amerika Syarikat belum lagi mengeluarkan sebarang arahan terhadap tiga syarikat asing termasuk syarikat petroleum nasional Malaysia, Petronas kerana mengadakan usahasama di Iran untuk membangunkan industri gas negara itu.

Seorang pegawai Amerika semalam berkata, Amerika masih meneruskan siasatan terhadap usahasama itu.

"Keputusan belum lagi dibuat dan kita masih mengkaji usahasama itu," kata beliau kepada BERNAMA.

Pegawai itu tidak menyatakan bila keputusan akan dibuat oleh Setiausaha Negara Madeleine Albright, kerana "tiada jadual ditetapkan dan juga kita tidak perlu membuat keputusan dalam tempoh tertentu."

Ketiga-tiga syarikat itu -- Total dari Perancis, Gazprom dari Russia dan Petronas -- boleh dikenakan enam bentuk sekatan oleh Amerika jika didapati urusan gas bernilai AS\$2 bilion dengan Iran mencabuli undang-undang Amerika.

Dikenali sebagai Akta Sekatan Iran-Libya (ILSA), undang-undang itu diperkenalkan oleh kongres untuk menghadkan aktiviti Iran dan Libya dalam membangunkan senjata pemusnah dan keganasan menggunakan sumber kewangan yang diperolehi melalui urusan minyak.

Amerika belum lagi mengenakan sekatan terhadap mana-mana syarikat asing sejak undang-undang itu diluluskan oleh Kongres pada Ogos 1996.

Enam bentuk sekatan yang mungkin dikenakan oleh Amerika ialah:

- \* pengharaman bantuan Eksport-Import Bank;
- \* pengharaman lesen eksport Amerika;
- \* pengharaman pinjaman sektor swasta Amerika lebih US\$10 setahun;
- \* pengharaman pembelian oleh kerajaan AS (bermaksud, kerajaan Amerika tidak akan membeli bekalan daripada syarikat itu);
- \* pengharaman import; dan
- \* jika syarikat terbabit merupakan institusi kewangan, maka ia diharamkan daripada beberapa perkhidmatan kewangan di Amerika.

Pegawai itu berkata, Setiausaha Negara perlu mengenakan sekurang-kurangnya dua daripada enam bentuk sekatan itu terhadap syarikat-syarikat yang mencabuli ILSA.

Apabila arahan dikeluarkan, ketiga-tiga syarikat itu mempunyai masa 90 hari untuk meminda ataupun membatalkan usahasama itu. Tempoh 90 hari lagi mungkin dibenarkan, yang akan memberikan negara-negara terbabit tempoh 180 hari untuk mengambil "tindakan spesifik dan berkesan" untuk menepati undang-undang Amerika.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak membantah sekatan itu selagi ia dikenakan secara saksama terhadap semua pihak terbabit dalam urusan itu. -- BERNAMA

SAL PR